

TR 6:8:65

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI MASJID NEGARA PADA 27 OGOS,
1965

Assalamualaikum Warah matullahi-wa-barakatoh.

Dengan nama Allah Yang Maha Kuasa lagi mengasihi serta salawat dan salam kepada Nabi dan Rasul-Nya Muhammad s.a.w.

Duli Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong¹ serta Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun. Patik sebagai Pengerusi Jawatan-kuasa Pembinaan Masjid Negara ini dengan hormat takzimnya menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli Seri Paduka Baginda di atas limpah kesudian Tuanku berangkat bercemar duli untuk merasmikan pembukaan masjid ini. Begitu juga patik menjunjung kasih kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja yang telah berkenan bersama-sama berangkat untuk menambah seri dan berkat upacara yang bersejarah pada pagi ini; istimewa pula kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, Sultan Brunei kerana sudi berangkat ke Kuala Lumpur khas untuk bersama-sama menghadiri upacara ini.

Ampun Tuanku. Bagi memulakan upacara ini patik mohon keizinan untuk berucap sepatah dua kata kepada dif-dif yang dihormati serta sidang hadirin sekalian.

Tuan-tuan Yang Terutama Gabenor-gabenor, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, Tuan-tuan Yang Terutama Dif-Dif Yang Terhormat, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian yang hadir.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih daripada Kerajaan dan rakyat negeri ini atas kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negara dan Tuan Yang Terutama Gabenor-gabenor dan Tuan-tuan Yang Terutama Dif-Dif Yang Terhormat, khasnya kepada wakil-wakil daripada 14 negara sahabat, yang telah sudi datang ke negara kita untuk bersama-sama dengan kita sekalian dalam upacara pembukaan Masjid Negara yang bersejarah ini. Kepada mereka sekalian, saya ucapkan selamat datang ke Malaysia. Saya berharap Tuan-tuan yang Terutama sekalian bukan sahaja memberikan kehormatan kepada kami dengan menghadiri upacara pembukaan

¹**D.Y.M.M. Tuanku Syed Putra AlHaj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.**

Masjid Negara ini, tetapi juga memberikan silaturrahim yang akan memperteguh ikatan persahabatan antara Kerajaan dan rakyat negeri ini dengan Kerajaan dan rakyat negeri tuan-tuan sekalian. Mudah-mudahan lawatan Tuan-tuan Yang Terutama akan memberikan kesempatan untuk mengenali negara kami yang baharu merdeka ini lebih dekat dan lebih rapat. Kami adalah bangsa yang sentiasa memperjuangkan cita-cita persahabatan dan keamanan dunia. Kami ingin sentiasa mempunyai hubungan persahabatan yang baik; hormat menghormati akan kedaulatan dan kemerdekaan masing-masing. Kami adalah umat yang percayakan kebesaran Tuhan. Masjid Negara ini adalah lambang perpaduan rakyat kami yang walaupun menganut berbagai-bagai agama tetapi tetap yakin bahawa kami semua adalah hamba dan makhluk Tuhan yang lemah dan mesti bersatu padu. Atas dasar inilah juga kami ingin mengekalkan keamanan secara persahabatan yang terhormat dengan negara-negara lain, terutama negara-negara Islam yang tuan-tuan wakili.

Bagi pihak Kerajaan dan rakyat negara ini saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan perasaan terima kasih khas kepada Kerajaan Republik India yang telah bermurah hati dan ikhlasnya menghadiahkan sebuah kerusi perak yang amat indah buatannya dan mahal harganya untuk dijadikan kerusi imam masjid ini. Bagi Malaysia hadiah itu adalah merupakan tanda persahabatan yang jujur yang sangat-sangat dijunjung tinggi.

Tuan-tuan yang diliormati sekalian.

Pada hari Jumaat yang mulia ini, iaitu hari seluruh umat Islam di dunia melupakan segala sengketa dan petaka untuk berhimpun di masjid-masjid kerana menunaikan fardu Jumaat, maka kita rakyat Malaysia dapatlah mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu-Wataala kerana kurnia Nya kepada kita untuk mempunyai sebuah Masjid Negara yang agong dan yang mempunyai sejarah ini. Bertambah-tambah lagi kesyukuran kita kerana limpah berkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menyempurnakan dan merasmikan pembukaan Masjid ini.

Cita-cita hendak mendirikan sebuah Masjid yang besar bagi negara ini telah dizahirkan setelali negara kita mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos, 1957 untuk menjadi suatu tanda dan kenang-kenangan yang kekal abadi bagi kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu dan lagi merupakan suatu hadiah daripada rakyat dan negara ini kepada Yang Teramat Mulia Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai menghargai dan menjunjung tinggi jasa-jasa Yang Teramat Mulia Tuanku itu di atas kebijaksanaannya memimpin negara Per-

sekutuan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan. Dengan sebab itu perbelanjaan untuk pembinaan Masjid Negara ini bukan sahaja datangnye daripada Kerajaan Pusat bahkan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan daripada rakyat jelata seluruhnya daripada sekalian bangsa.

Cita-cita dan kehendak saya sendiri dan pengasas Masjid Negara ini ialah supaya Masjid ini diberi nama "Masjid Tunku Abdul Rahman". Akan tetapi dengan kehendak Tunku sendiri, Masjid ini eloklah diberi nama "Masjid Negara". Dengan sebab itu upacara pada hari ini sangatlah besar ertinya dalam sejarah negara kita kerana Masjid Negara ini akan menjadi kenang-kenangan untuk selama-lamanya bagi Penganjur dan Bapa Negara² kita dan bagi kemerdekaan negara kita ini.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Masjid Negara ini, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak Ahli-Ahli Jawatankuasa; Setiausahanya, Tuan Haji Ismail bin Panjang Aris; dan Ahli-Ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Negeri dan Jajahan yang telah berusaha mengutip derma bagi pembinaan Masjid ini. Begitu juga saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada ahli-ahli dermawan daripada semua bangsa yang telah sudi menghulurkan derma untuk pembinaan Masjid ini yang berjumlah \$1,007,000.00. Saya tidak dapat menyebutkan nama-nama mereka itu kerana ada beribu-ribu orang yang telah berderma, tetapi sebahagian daripada mereka yang memberi derma yang terbanyak adalah nadir dalam upacara pada pagi ini.

Dan lagi saya suka menyembahkan ucapan terima kasih kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura³ serta Tuan-tuan Yang Terutama Gabenor-gabenor kerana telah bermurah hati menghadiahkan bagi tiap-tiap seorang sebuah lampu atau chandaliar yang ada di dalam Masjid ini.

Banyak daripada derma-derma yang diterima itu datangnye daripada ahli-ahli dermawan yang bukan beragama Islam. Inilah suatu bukti yang menunjukkan bahawa di Negara Malaysia ini penduduk-penduduknya yang terdiri daripada berbagai bangsa dan agama adalah mempunyai fahaman yang baik di antara satu dengan lain dan sedia bantu membantu di antara satu dengan lain. Dasar Kerajaan Malaysia ialah sentiasa hendak menguatkan perhubungan baik dan tali persahabatan di antara penduduk-penduduk negeri ini daripada berbagai bangsa dan agama itu supaya tiap-tiap orang mempunyai tempat yang sempurna di negara ini dan supaya pada suatu masa kelak mereka dapat mengingat diri

² Y. T. M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

³ Encik Yusof bin Ishak.

mereka sebagai suatu bangsa walaupun mempunyai agama yang berlainan. Derma-derma yang diterima daripada orang-orang yang bukan Islam itu adalah menunjukkan juga bahawa mereka itu menerima dan menghormati dasar Kerajaan yang tercatat dalam Perlembagaan iaitu sungguhpun agama Islam menjadi agama rasmi, tetapi Kerajaan adalah menjamin kebebasan beribadat dan beragama di negara kita ini kepada semua pihak.

Dan lagi saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah- kepada Akitek Masjid ini iaitu Encik Baharuddin bin Mohd. Kassim yang telah menunjukkan kebijaksanaannya yang luar biasa bagi membentuk sebuah Masjid yang mempunyai bentuk yang sesuai untuk menjalankan kegiatan-kegiatan agama kita dan sesuai pula dengan iklim negeri serta hasrat kebangsaan kita. Begitu juga saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Jurutera-jurutera terutama sekali kepada Jabatan Kerja Raya yang telah bersungguh-sungguh berusaha menegolakan pembinaan Masjid ini. Saya tidak lupa juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kontraktor-kontraktor dan kakitangan-kakitangan yang lain yang telah mengambil bahagian dalam pembinaan Masjid ini.

Masjid dalam erti kata yang sebenarnya bukanlah hanya tempat sembahyang sahaja, tetapi seperti yang kita ketahui daripada sejarah perkembangan Islam, terutama dalam zaman Rasulullah dan sahabat-sahabatnya, masjid ialah tempat untuk umat Islam membulatkan perpaduan dan menentukan sikap dan tindakan dalam segala hal penghidupan, termasuk soal-soal yang mengenai hukum-hukum agama, ke am an an masyarakat, kebajikan am dan ilmu pengetahuan.

Masjid Negara ini adalah mempunyai kawasan seluas 13 1/2 ekar dan luas bangunan Masjid ini memenuhi kawasan 5 ekar. Di dalamnya termasuklah Dewan Sembahyang seluas 22,500 kaki persegi yang boleh muat tidak kurang daripada 8,000 orang jemaah. Disamping itu ada sebuah dewan lain yang boleh memuat 500 orang untuk digunakan bagi berbagai-bagai kegiatan dalam lapangan agama kita. Selain daripada itu Masjid ini mempunyai kutubkhanah dan pejabat-pejabat bagi pegawai-pegawai. Dan lagi bersambungan dengan Masjid ini ada sebuah makam untuk perwira kebangsaan kita. Sebagai sebuah Masjid Negara dan Masjid yang terbesar sekali dalam negeri ini, diharap Masjid ini akan jadi pusat penyelidikan dan perkembangan Agama Islam kita yang maha suci. Begitu juga di Masjid ini diharap akan dapat diadakan pusat pengajian tinggi agama kita supaya Masjid ini menjadi lambang ketinggian dan perkembangan U gama Islam dan memancarkan sinar Islam ke seluruh negara kita Malaysia.

Dengan ini saya akhiri ucapan saya dan sebelum saya mempersilakan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan Pembukaan Rasmi Masjid Negara ini, saya dengan sukacitanya mempersilakan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri untuk menyampaikan ucapannya.